

BUTIRAN IKLAN

- A) Tajuk Iklan : **PENYEWAAN SATU (1) UNIT KEDAI MPSP NO.20, JALAN MOHD SAAD, BAGAN JERMAL, BUTTERWORTH, SPU**
- B) Tarikh Iklan adalah bermula pada **7 Disember 2023 hingga 27 Disember 2023 (sebelum jam 12.00 tengahari)**;
- C) Pelan lokasi, pelan tapak dan gambar beserta ‘banner’; dan
- D) Syarat-syarat permohonan penyewaan adalah seperti berikut :-
 - (i) Tempoh penyewaan selama 3 tahun;
 - (ii) Kadar rezab sewaan adalah seperti Jadual 1 di bawah :-

Jadual 1


NO. KEDAI	KADAR REZAB SEWAAN SEBULAN
20	RM900
<i>Nota : Pemohon tidak boleh mencadangkan bawah kadar rezab sewaan di bawah kadar yang ditetapkan dalam Jadual 1</i>	

- (iii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menjelaskan bayaran sewa sebelum 7 haribulan;
- (iv) Pemohon yang berjaya dikehendaki membayar wang cagaran sewaan yang akan ditetapkan kepada MBSP. Bayaran wang cagaran ini akan dipulangkkan semula kepada penyewa tanpa sebarang faedah selepas tamatnya tempoh perjanjian sewaan atau apabila berlaku penamatan awal dan selepas ditolak apa-apa hutang yang tertunggak kepada MBSP;
- (v) Permohonan penyewaan ini adalah tertakluk kepada konsep “**As Is Where Is Basis**”. Segala kos pembersihan tapak, kos pembaikan, kos penyenggaraan dan lain-lain kos yang berkaitan adalah di bawah tanggungjawab pemohon yang berjaya;
- (vi) Caj denda lewat sebanyak 10% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya terlewat membayar selama 1 bulan dan kadar 20% daripada bayaran sewa bulanan akan dikenakan sekiranya lewat membayar selama 2 bulan;
- (vii) Pemohon yang berjaya dikehendaki menggunakan kedai MBSP untuk tujuan yang ditetapkan dalam Borang Permohonan sahaja;
- (viii) Bayaran deposit ini akan dipulangkkan semula kepada pemohon yang berjaya tanpa faedah selepas tamatnya tempoh sewaan atau apabila berlaku penamatan awal dan selepas ditolak apa-apa hutang yang tertunggak kepada MBSP. Walau bagaimanapun, pemulangan bayaran deposit ini adalah turut tertakluk kepada klausula (17);

- (ix) Pemohon yang berjaya hendaklah menjelaskan segala bil air, IWK, elektrik dan bil-bil utiliti lain serta cukai-cukai yang berkaitan dengan penggunaan di atas premis yang disewakan dan mengemukakan salinan resit-resit bayaran bil yang berkaitan setiap tiga (3) bulan kepada MBSP;
- (x) Pemohon yang berjaya hendaklah dalam masa selewat-lewatnya satu (1) bulan daripada tarikh penerimaan tawaran mengemukakan pelan-pelan pengubahsuaian bangunan/pembangunan untuk pertimbangan dan kelulusan MBSP terlebih dahulu sebelum dibenar menjalankan apa-apa pengubahsuaian bangunan/pembangunan;
- (xi) Bayaran sewa hendaklah mula dijelaskan oleh pemohon yang berjaya selewat-lewatnya dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh penerimaan tawaran sewa atau apabila pemohon yang berjaya mula menjalankan perniagaan di atas premis MBSP tersebut mengikut mana yang terdahulu;
- (xii) Pemohon yang berjaya hendaklah menyatakan persetujuan menerima tawaran sewa daripada MBSP selewat - lewatnya dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh surat MBSP dikeluarkan. Pemohon yang berjaya dianggap menolak tawaran jika gagal menyatakan persetujuan menerima tawaran sewa dalam jangkamasa yang ditetapkan;
- (xiii) Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan menyerah, menyewa kecil atau melepaskan mana-mana bahagian premis yang disewakan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP;
- (xiv) Pemohon yang berjaya hendaklah membenarkan pegawai-pegawai, kakitangan atau agen MBSP pada masa-masa yang munasabah memasuki dan memeriksa premis yang disewakan;
- (xv) Pemohon yang berjaya dengan kosnya sendiri dikehendaki merobohkan apa-apa struktur yang tidak dikehendaki oleh MBSP dan menyerahkan apa-apa struktur yang dikehendaki oleh MBSP selepas tamatnya tempoh sewaan atau apabila berlaku penamatkan awal tanpa menuntut apa-apa pampasan;
- (xvi) Mana-mana pihak boleh menamatkan perjanjian sewaan ini dengan memberi pihak satu lagi 3 bulan notis secara bertulis;
- (xvii) MBSP berhak menamatkan sewaan dengan lebih awal serta merampas sepenuhnya kesemua bayaran deposit yang dibayar oleh pemohon yang berjaya sekiranya dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh penerimaan tawaran, kerja-kerja pembangunan di atas premis yang disewakan masih belum siap sepenuhnya dan pemohon yang berjaya masih belum menjalankan operasi perniagaan. Pemohon yang berjaya tidak dibenarkan menuntut apa-apa gantirugi daripada MBSP dan hendaklah secara aman menyerahkan premis yang disewakan serta apa-apa pembangunan kepada MBSP;
- (xviii) MBSP berhak menamatkan perjanjian sewaan ini tanpa memberi sebarang notis sekiranya bayaran sewaan premis berkenaan tidak dibayar lebih 2 bulan;
- (xix) Pemohon yang berjaya dikehendaki memperolehi lesen yang berkaitan dan mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh agensi-agensi atau jabatan-jabatan yang mengawalselia aktiviti-aktiviti perniagaan penyewa dan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti yang menyalahi apa-apa perundangan di Malaysia;

- (xx) Pemohon yang berjaya dikehendaki menandatangani perjanjian sewaan dengan MBSP dan menanggung sepenuhnya kos penyediaan perjanjian serta kos-kos lain yang berkaitan dengannya;
 - (xxi) Pemohon yang berjaya hendaklah memastikan aktiviti penyewaannya tidak menimbulkan kacau ganggu kepada kawasan sekeliling serta dikehendaki memastikan tapak MBSP ini sentiasa bersih dan teratur;
 - (xxii) Perniagaan membaiki kenderaan serta penjualan kenderaan dan alat-alat ganti serta bengkel kimpalan adalah tidak dibenarkan sama-sekali; dan
 - (xxiii) Syarat-syarat lain sewaan yang akan ditentukan oleh MBSP.
- E) Sekiranya tuan memerlukan maklumat lanjut berhubung perkara ini, tuan boleh menghubungi Encik Ahmad Syahrir Bin Jaafar di talian 04-5497496, Encik Abd Latif Bin Yaman di talian 04-5497497, Encik Mohd Jamaluddin bin Zulkepli di talian 04-5497777 atau Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta di talian 04-5497493.

**PELAN LOKASI & PELAN TAPAK KEDAI MILIK MBSP
DI JALAN MOHD SAAD, JALAN BAGAN JERMAL, BUTTERWORTH, SPU**



**GAMBAR FOTO BANGUNAN KEDAI MILIK MBSP
DI JALAN MOHD SAAD, JALAN BAGAN JERMAL, BUTTERWORTH, SPU**

